

**Naratif Budaya Minangkabau Dalam Novel Merantau Ke Deli: Analisis
Melalui Perspektif Pengurusan Sastera**

*Minangkabau Cultural Narrative in the Novel Merantau ke Deli: An Analysis
through the Perspective of Literary Management*

Fathin Noor Ain Ramli
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah
Universiti Utara Malaysia, Malaysia
fathin.noor@uum.edu.my

*Azhar Wahid**
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
azhar@fbk.upsi.edu.my

**Corresponding Author*

Received: 15 May 2025; Published: 07 December 2025

Cite this article (APA) as:

Ramli, F. A., & Wahid, A. (2025). Naratif Budaya Minangkabau Dalam Novel Merantau Ke Deli: Analisis Melalui Perspektif Pengurusan Sastera. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 13(2), 51 - 67. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/204>

ABSTRAK

Hamka adalah salah seorang penulis yang banyak mengangkat budaya Minangkabau dalam naratif karya yang dihasilkan. Secara tidak langsung menonjolkan keunikan budaya Minangkabau. Fokus penulisan makalah ini adalah untuk merungkai bagaimana prinsip-prinsip pengurusan moden yang digariskan oleh Henry Fayol diaplikasikan dalam konteks budaya dan identiti bangsa Melayu Minangkabau yang digambarkan melalui watak, konflik, dan struktur sosial dalam teks. Kajian ini berasaskan pendekatan kualitatif melalui analisis kepustakaan dan teks dengan menelusuri tiga novel Hamka iaitu *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, *Merantau Ke Deli* dan *Di Bawah Lindungan Ka'bah*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa lima daripada empat belas prinsip pengurusan Fayol autoriti, kesatuan arahan, keutamaan kepentingan organisasi, rangkaian skala dan semangat kekitaan memainkan peranan penting dalam memperkukuh elemen budaya yang membentuk identiti bangsa Melayu Minangkabau. Prinsip-prinsip ini jelas terserlah dalam sistem kekerabatan matrilineal, struktur kepimpinan keluarga serta nilai kolektif yang menekankan kepentingan suku berbanding individu. Analisis turut memperlihatkan bagaimana pengurusan budaya melalui naratif sastera bukan sahaja berfungsi sebagai medium pengukuhan identiti bangsa tetapi juga sebagai wahana pendidikan insaniah yang menyumbang kepada pembangunan modal insan dan kelestarian masyarakat. Kajian ini menegaskan bahawa pengurusan sastera mampu menjadi pendekatan strategik dalam memahami dan memperkukuh jati diri bangsa khususnya dalam menghadapi cabaran globalisasi yang berpotensi menghakis nilai budaya tempatan.

Kata Kunci: Naratif, Budaya Minangkabau, Pengurusan Sastera, Identiti, Novel Merantau ke Deli

ABSTRACT

*Hamka is a prominent writer whose works extensively portray Minangkabau culture, highlighting its uniqueness and values. This paper explores how Henry Fayol's modern management principles are applied within the cultural and identity framework of the Minangkabau Malay community as reflected in Hamka's narratives. Using a qualitative approach through library research and textual analysis, this study examines three novels: *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, *Merantau ke Deli*, and *Di Bawah Lindungan Ka'bah*. The findings reveal that five of Fayol's fourteen principles which are authority, unity of command, subordination of individual interests to organizational interests, scalar chain, and esprit de corps play a crucial role in reinforcing cultural elements that shape Minangkabau identity. These principles are evident in the matrilineal kinship system, family leadership structures and collective values that prioritize clan interests over individual desires. The analysis demonstrates that cultural management through literary narratives functions not only as a medium for strengthening identity but also as a humanistic educational tool that contributes to human capital development and social sustainability. The study concludes that literary management offers a strategic approach to understanding and reinforcing national identity, particularly in addressing the challenges of globalization that risk eroding local cultural values.*

Keywords: Narrative, Minangkabau's Culture, Literary Management, Identity, Novel of Merantau ke Deli

PENGENALAN

Secara umumnya pengurusan merangkumi empat prinsip asas yang saling berkait dan saling mempengaruhi antara satu sama lain. Pengabaian terhadap mana-mana satu fungsi ini berpotensi menimbulkan gangguan atau masalah dalam sesebuah organisasi. Keempat-empat prinsip tersebut telah dirumuskan dalam Rajah 1, berdasarkan kajian oleh Mohd Hizam Hahafiah dan Zafir Mohd Makhbul (2003). Menurut Robbins dan Coulter (2005), perancangan merupakan satu proses menyeluruh yang melibatkan penetapan objektif serta matlamat organisasi, pembentukan strategi pencapaian, dan penyediaan pelan komprehensif yang menyelaraskan serta menyepadukan semua aktiviti organisasi. Proses ini boleh dijalankan secara formal mahupun tidak formal. Bagi sesebuah organisasi sama ada berbentuk komuniti atau korporat, setiap anggota memainkan peranan penting dalam merealisasikan matlamat yang telah ditetapkan. Perancangan formal lazimnya didokumentasikan manakala perancangan tidak formal pula tidak melibatkan sebarang dokumen bertulis. Contohnya, perancangan jangka panjang seperti Rancangan Malaysia Pertama dan seterusnya merupakan bentuk perancangan rasmi oleh kerajaan. Fungsi kedua dalam pengurusan ialah pengorganisasian yang memberi penekanan kepada penggunaan sumber secara optimum dalam organisasi, termasuk sumber manusia, kewangan dan aset. Menurut Jaafar Muhammad (2003), pengorganisasian merujuk kepada penyusunan sumber secara sistematik dan berkesan bagi mencapai matlamat yang telah dirancang. Ini berperanan sebagai penghubung antara proses perancangan dan tindakan strategik yang merangkumi penentuan tugas, pengelompokan aktiviti, pengagihan tanggungjawab kepada individu yang sesuai serta penyelarasan kerja dalam struktur organisasi secara menyeluruh.

Rajah 1.0: Fungsi Pengurusan

Sumber: Mohd Hizam Hahafiah & Zafir Mohd Makbul, 2003



Kepimpinan pula merupakan elemen penting dalam pengurusan yang berkait rapat dengan keperibadian individu sama ada pemimpin mahupun pekerja. Menurut Harold Koontz dan Heinz Weihrich (1992), kepemimpinan ialah seni mempengaruhi orang lain agar secara sukarela dan penuh semangat berusaha mencapai matlamat bersama. Ini menunjukkan betapa pentingnya semangat kerja dan keyakinan dalam kalangan anggota organisasi. Keberkesanan kepemimpinan bergantung kepada kecekapan pemimpin serta sokongan daripada pekerja yang bersama-sama menjamin kelangsungan dan pencapaian matlamat organisasi. Kuasa kepemimpinan boleh berpunca daripada pelbagai sumber seperti kuasa rasmi, ganjaran, paksaan, kepakaran, rujukan, maklumat dan karisma peribadi. Fungsi terakhir dalam kerangka pengurusan ialah pengawasan. Menurut Mohd Hizam Hahafiah dan Zafir Mohd Makbul (2003), pengawasan ialah proses menilai prestasi berdasarkan objektif yang telah ditetapkan. Hal ini adalah sangat penting untuk memastikan setiap individu dalam organisasi melaksanakan tanggungjawab mereka, menyelesaikan masalah, mendorong inovasi, meningkatkan kualiti kerja dan mengurangkan kos operasi. Kegagalan dalam aspek ini boleh menyebabkan organisasi menjadi tidak terkawal, terlalu yakin, menyalahkan pihak lain, mengelak tanggungjawab dan gagal belajar daripada kesilapan lalu. Oleh itu, keseimbangan antara perancangan, pengorganisasian, kepemimpinan dan pengawasan amat penting bagi menjamin kelancaran pengurusan organisasi secara keseluruhan.

Menurut Kamus Dewan (1994), identiti merujuk kepada ciri-ciri seperti tingkah laku dan cara berpakaian yang mencerminkan personaliti seseorang. Nurul Izzah (2011) pula menyatakan bahawa identiti ialah gambaran gaya hidup, pemikiran dan sistem nilai sesebuah masyarakat atau bangsa. Selain itu, Abdul Rahman Embong (1999) menegaskan bahawa identiti bukan sahaja bersifat individu tetapi juga terbentuk melalui interaksi kolektif dalam masyarakat. Beliau menekankan bahawa kehidupan bermasyarakat merupakan asas penting dalam pembentukan identiti kolektif. Paul Morris (2005) turut menyokong pandangan ini dengan menyatakan bahawa identiti ialah gabungan metafizikal antara individu dan negara

yang merangkumi dimensi peribadi dan kebangsaan. Budaya dikenal pasti sebagai faktor utama dalam pembentukan identiti masyarakat. Azhar Wahid (2014) menyatakan bahawa identiti bangsa ialah himpunan kepercayaan, sikap dan pandangan yang dinamik serta tersusun yang dipegang oleh sesuatu bangsa. Nilai sosial juga memainkan peranan penting dalam membentuk identiti budaya tersebut. Menurut Mohd Hizam Hahafiah dan Zafir Mohd Makhbul (2003), budaya ditakrifkan sebagai ciri-ciri bersama yang mengandungi nilai-nilai yang membezakan satu kumpulan manusia daripada yang lain seperti kepercayaan, norma, bahasa dan agama.

Pengurusan budaya yang berkesan memerlukan pemahaman mendalam terhadap kepelbagaian nilai dan perbezaan yang wujud, kerana ia mempengaruhi setiap keputusan dan tindakan dalam organisasi. Sodowsky (dipetik dalam Shamsul Amri Baharuddin, 2012) menyatakan bahawa budaya merangkumi nilai, adat resam, tingkah laku kolektif, persepsi terhadap manusia dan alam, simbol, kesenian serta artifak yang dikongsi oleh masyarakat. Melalui konteks ini, budaya dilihat sebagai elemen penting yang menghubungkan pelbagai aspek kehidupan untuk membentuk struktur sosial yang menyeluruh dan bermakna.

PERNYATAAN MASALAH

Pada masa kini, penerapan disiplin pengurusan masih banyak tertumpu kepada objektif pembangunan dalam konteks organisasi korporat dan pertubuhan tanpa memberikan perhatian yang sewajarnya terhadap pembangunan institusi kemasyarakatan. Kesedaran tentang kepentingan pengurusan dalam membentuk struktur sosial masih berada pada tahap yang rendah. Situasi ini telah menyebabkan kurangnya kajian yang meneliti peranan disiplin pengurusan dalam pembangunan masyarakat dan bangsa khususnya dalam bidang kesusasteraan Melayu. Fokus pembangunan negara yang lebih cenderung kepada bidang sains dan teknologi telah memberi kesan kepada masyarakat yang kini lebih mengutamakan sektor-sektor tersebut. Akibatnya, pengurusan sering diaplikasikan semata-mata untuk memenuhi keperluan praktikal dalam bidang ekonomi dan teknologi tanpa mengambil kira secara serius dimensi kemanusiaan terutamanya aspek pembentukan dan pengukuhan identiti bangsa. Walaupun bidang pengurusan menunjukkan peningkatan dari segi aplikasi dan penerimaan, aspek insaniah yang bersifat asas masih terpinggir sedangkan elemen tersebut merupakan tunjang kepada pembangunan yang seimbang dan mampan.

Bangsa boleh ditakrifkan sebagai sebuah komuniti yang terdiri daripada individu-individu yang menetap dalam kelompok tertentu sama ada dalam kawasan geografi yang sama atau berlainan dan mungkin dipisahkan oleh sempadan politik serta sistem pemerintahan. Namun demikian, mereka tetap berkongsi elemen-elemen asas yang menyatukan mereka seperti budaya, adat resam dan sistem perundangan. Menyedari kepentingan membina masyarakat dan bangsa yang memiliki jati diri yang kukuh sebagai asas kepada pembangunan negara dan modal insan yang menyeluruh, kerajaan Malaysia telah merangka satu pendekatan strategik melalui Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11). Antara teras utama dalam rancangan tersebut ialah usaha memperkasakan pembangunan modal insan ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju. Fokus utama inisiatif ini ialah pembentukan bangsa yang memiliki kualiti modal insan yang tinggi selaras dengan matlamat pembangunan negara yang menyeluruh dan berdaya saing.

Kesinambungan daripada pelaksanaan RMK-11 diteruskan melalui RMK-12 bagi tempoh lima tahun dari 2021 hingga 2025 yang merupakan fasa awal kepada Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB). Wawasan ini bertujuan memastikan seluruh rakyat Malaysia mencapai taraf hidup yang wajar menjelang tahun 2030. Tiga objektif utama WKB ialah pembangunan inklusif untuk semua, pengurangan jurang kekayaan dan pendapatan serta

pembentukan sebuah negara yang bersatu, makmur dan bernaung. Ketiga-tiga objektif ini diselenggarakan dengan Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (DSG) yang digariskan dalam Agenda 2030 oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). RMK-12 turut memperkenalkan tiga tema utama sebagai pemacu transformasi negara iaitu pemulihan ekonomi, pengukuhan keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti serta pemerkasaan kemampanan. Keprihatinan kerajaan terhadap aspek sosial masih diteruskan seperti yang dapat dilihat dalam sembilan fokus utama RMK-12. Antaranya ialah memperkukuh pemangkin pertumbuhan (fokus 2), meningkatkan kesejahteraan keluarga Malaysia (fokus 3), memantapkan keselamatan dan ketenteraman awam (fokus 4) serta memperkasa agenda bumiputera dan keluarga Malaysia (fokus 6) (Rancangan Malaysia Ke-12, 2021). Ini mencerminkan komitmen kerajaan dalam menjaga keharmonian dan kesejahteraan rakyat.

Penekanan terhadap pengukuhan aspek insaniah sebagai salah satu teras strategik menunjukkan kesungguhan kerajaan dalam melaksanakan pembangunan yang menyeluruh. Langkah ini turut memberi kesan kepada pengagihan peruntukan kewangan negara yang lebih seimbang dan bersasar, khususnya dalam pembangunan modal insan dan pengukuhan identiti kebangsaan. Kelangsungan pelaksanaan Rancangan Malaysia secara bersiri yang dirancang secara teliti dan strategik, adalah selari dengan aspirasi kerajaan untuk membina jati diri individu dan masyarakat. Inisiatif ini juga seiring dengan perancangan dalam bidang utama negara seperti politik, ekonomi dan pendidikan. Melalui konteks kelangsungan dan daya tahan sesuatu bangsa, kekuatan bangsa tersebut bergantung kepada keupayaan mereka menghimpunkan khazanah yang menyeluruh, merangkumi kekuatan intelektual, akhlak dan sumber material yang semuanya harus berteraskan nilai kemanusiaan dan semangat kebaktian (Siddiq Fadzil, 2012:7).

Sebagai bangsa majoriti di Malaysia, identiti Melayu secara langsung mencerminkan citra negara di peringkat antarabangsa. Oleh itu, usaha membina dan memelihara identiti melalui elemen budaya menjadi suatu keperluan yang mendesak terutamanya dalam era globalisasi yang menyaksikan budaya asing mudah meresap ke dalam masyarakat tempatan. Fenomena ini bukan sahaja mengakis nilai budaya tempatan malah turut menyebabkan pengabaian terhadap dasar-dasar penting seperti Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang digubal bagi memperkukuh identiti budaya nasional.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan kepustakaan dan analisis teks sebagai metodologi utama. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks kandungan. A. Halim Ali (2019) menyebutkan kaedah kepustakaan lazimnya menggunakan sumber data yang sedia ada seperti dokumen bercetak, teks, buku, jurnal dan lain-lain. Kajian berasaskan analisis teks dipilih sebagai kaedah utama.

Tiga buah novel karya agung Hamka iaitu *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* (TKVDW), *Merantau ke Deli* (MKD), dan *Di Bawah Lindungan Ka'bah* (DBLK) yang diterbitkan oleh PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd. pada tahun 2015 telah dipilih sebagai bahan utama kajian. Pemilihan karya-karya ini bertujuan untuk menelusuri aspek pengurusan identiti bangsa Melayu melalui elemen budaya yang terkandung dalam naratif sastera. Ketiga-tiga novel tersebut dijadikan ruang lingkup kajian berdasarkan kekuatan latar penceritaan yang berjaya menonjolkan unsur budaya Melayu serta pengaruhnya terhadap pembentukan identiti bangsa. Fokus analisis tertumpu kepada pelaksanaan prinsip-prinsip pengurusan yang dapat dikenalpasti melalui tindakan dan pemikiran watak-watak utama dalam setiap karya iaitu Zainuddin (TKVDW), Poniem (MKD), dan Hamid (DBLK).

Selain kekuatan tematik yang terserlah dalam penceritaan, pemilihan novel-novel ini turut dipengaruhi oleh latar belakang pengarangnya, Hamka iaitu seorang ulama dan pemikir terkemuka di rantau Nusantara yang gigih memperjuangkan nilai, budaya dan identiti bangsa Melayu sepanjang hayat beliau. Bagi memastikan objektif kajian dapat dicapai secara menyeluruh, kajian ini menggunakan kerangka teori 14 Prinsip Pengurusan yang diperkenalkan oleh Henry Fayol (1916). Fayol yang dikenali sebagai ‘Bapa Teori Pengurusan Moden’, merupakan antara tokoh awal yang membawa perubahan dalam pemikiran pengurusan melalui buku beliau yang bertajuk *General and Industrial Management*. Keempat belas prinsip tersebut digunakan sebagai asas analisis untuk mengenal pasti manifestasi pengurusan identiti dalam ketiga-tiga novel seperti yang diringkaskan dalam jadual berikut.

Jadual 1: 14 Prinsip Pengurusan Henry Fayol (*sumber: Aizzat Mohd Nasuridin, Intan Osman dan Zainal Ariffin Ahmad, 2006*)

Bil.	Prinsip	Ulasan
1	Pembahagian kerja	Pengkhususan kerja yang membawa kepada kecekapan dalam kerja
2	Autoriti	Hak untuk memberi arahan dan kuasa ketaatan dari pekerja
3	Disiplin	Disiplin diperlukan untuk menjalankan operasi organisasi
4	Uniti perintah	Seorang pekerja patut menerima arahan daripada seorang ketua sahaja
5	Satu arah	Semua aktiviti untuk mencapai objektif yang sama mesti diurus oleh seorang
6	Utamakan kepentingan organisasi	Kepentingan organisasi menjadi prioriti
7	Pengupahan	Pemberian ganjaran mesti adil bagi pihak pekerja dan majikan
8	Pemusatan	Objektif pemusatan atau pemencaran ialah untuk penggunaan kebolehan personel yang optimum
9	Rantaian skala	Skala rantaian autoriti (hirarki) dan laluan komunikasi dari atas ke bawah dan juga mendatar.
10	Susunan	Semua bahan dan sumber tersimpan di tempat tertentu begitu juga manusia dalam jawatan yang secocok dengannya.
11	Ekuiti	Pekerja dilayan dengan adil
12	Kestabilan perkhidmatan personel	Pengurangan lantik henti dan pengekalan pekerja dilakukan
13	Inisiatif	Menggalakkan pekerja mengambil inisiatif
14	Semangat kekitaan	Harmoni dan kerja berpasukan amat tinggi.


Kesemua prinsip yang digariskan oleh Henry Fayol akan diaplikasikan dalam analisis kajian ini, dengan penekanan khusus terhadap prinsip-prinsip yang diamalkan oleh watak-watak utama dalam memperkukuh elemen budaya dalam kehidupan seharian mereka sebagaimana yang digambarkan oleh pengarang. Pembacaan berulang terhadap ketiga-tiga novel telah dilaksanakan bagi memastikan setiap penerapan prinsip pengurusan dapat dikenal pasti secara jelas dan difahami secara menyeluruh. Bagi memudahkan proses analisis dan penilaian, satu jadual senarai semak akan digunakan sebagai alat untuk merumuskan dapatan kajian secara sistematik. Setiap elemen yang dikenal pasti sebagai menyumbang kepada

pengukuhan budaya akan dihuraikan dan dibincangkan secara mendalam dengan disokong oleh contoh-contoh konkrit yang diambil daripada ketiga-tiga karya yang telah dipilih sebagai teks kajian.

Rekabentuk Kajian

Rajah 2.0

Rekabentuk Kajian



DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, didapati bahawa lima daripada empat belas Prinsip Pengurusan yang digariskan oleh Henry Fayol memainkan peranan penting dalam memperkukuh elemen budaya yang membentuk identiti bangsa Melayu Minangkabau. Prinsip-prinsip tersebut merangkumi autoriti, kesatuan arahan (*unity of command*), keutamaan kepentingan organisasi berbanding individu, rangkaian skala (*scalar of chain*), dan semangat korps (*esprit de corps*). Kelima-lima prinsip ini dikenal pasti melalui pemerhatian terhadap tindakan dan pemikiran watak-watak utama dalam ketiga-tiga novel Hamka yang dijadikan sebagai objek kajian.

Dapatan kajian ini telah disusun secara sistematik dalam bentuk jadual senarai semak bagi memudahkan analisis dan penilaian. Jadual tersebut memperincikan bagaimana setiap prinsip pengurusan tersebut diterapkan oleh watak-watak utama, serta bagaimana penerapan tersebut menyumbang kepada pengukuhan elemen budaya dalam naratif yang dibina. Huraian bagi setiap prinsip disokong dengan contoh konkrit daripada teks bagi memperlihatkan hubungan antara pengurusan identiti dan pembentukan budaya bangsa secara lebih mendalam.

Jadual 2: Senarai Semak Elemen Budaya Berdasarkan 14 Prinsip Pengurusan Henry Fayol (sumber: Aizzat Mohd Nasuridin, Intan Osman dan Zainal Ariffin Ahmad, 2006)

Bil.	Prinsip	Novel TKVDW	Novel MKD	Novel DBLK
1	Pembahagian kerja (Pengkhususan kerja yang membawa kepada kecekapan dalam kerja)			
2	Autoriti (Hak untuk memberi arahan dan	/	/	/

- | | | | | |
|----|---|---|---|---|
| | kuasa ketaatan dari pekerja) | | | |
| 3 | Disiplin
(Disiplin diperlukan untuk menjalankan operasi organisasi) | | | |
| 4 | Uniti perintah
(Seorang pekerja patut menerima arahan daripada seorang ketua sahaja) | / | / | / |
| 5 | Satu arah
(Semua aktiviti untuk mencapai objektif yang sama mesti diurus oleh seorang) | | | |
| 6 | Utamakan kepentingan organisasi
(Kepentingan organisasi menjadi prioriti) | / | / | / |
| 7 | Pengupahan
(Pemberian ganjaran mesti adil bagi pihak pekerja dan majikan) | | | |
| 8 | Pemusatan
(Objektif pemusatan atau pemencaran ialah untuk penggunaan kebolehan personel yang optimum) | | | |
| 9 | Rantaian skala
(Skala rantaian autoriti (hirarki) dan laluan komunikasi dari atas ke bawah dan juga mendatar) | / | / | / |
| 10 | Susunan
(Semua bahan dan sumber tersimpan di tempat tertentu begitu juga manusia dalam jawatan yang secocok dengannya) | | | |
| 11 | Ekuiti
(Pekerja dilayan dengan adil) | | | |
| 12 | Kestabilan perkhidmatan personel
(Pengurangan lantik henti dan pengekalan pekerja dilakukan) | | | |
| 13 | Inisiatif
(Menggalakkan pekerja mengambil inisiatif) | | | |
| 14 | Semangat kekitaan
(Harmoni dan kerja berpasukan amat tinggi) | / | / | / |

Pengukuhan Elemen Budaya dalam *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck, Merantau ke Deli* dan *Di Bawah Lindungan Ka'bah* Menerusi Prinsip Autoriti

Prinsip autoriti yang merupakan prinsip kedua dalam 14 Prinsip Pengurusan oleh Henry Fayol merujuk kepada hak untuk memberi arahan serta kuasa untuk menuntut kepatuhan daripada individu lain dalam struktur organisasi. Berdasarkan konteks masyarakat

Minangkabau sebagaimana yang digambarkan dalam karya Hamka, prinsip ini dapat dilihat dengan jelas melalui peranan dan kedudukan seorang mamak dalam sistem kekerabatan matrilineal khususnya dalam membuat keputusan penting berkaitan keluarga seperti perkahwinan anak saudara perempuan. Seorang mamak memegang autoriti yang tinggi dalam hal ehwal kemenakan dan kuasa ini dianggap sah serta wajib dipatuhi. Namun, pemerhatian Hamka terhadap pelaksanaan autoriti ini pada era 1920-an hingga 1930-an menunjukkan bahawa kuasa tersebut kadangkala mencetuskan konflik nilai terutamanya apabila tidak mengambil kira kehendak atau kebajikan individu yang terlibat. Bagi novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, prinsip autoriti tergambar melalui keputusan musyawarah keluarga yang dipimpin oleh Engku Datuk, seorang ninik-mamak dalam keluarga Hayati. Pinangan Zainuddin ditolak atas alasan asal-usulnya yang tidak sepenuhnya berakar dari Minangkabau manakala pinangan Aziz diterima kerana kedudukan sosial Aziz. Hayati tidak diberi ruang untuk menyuarakan pendapat dan terpaksa akur dengan keputusan tersebut, sebagaimana yang digambarkan oleh HAMKA:

“Apakah lagi jalan yang lain yang harus dipilihnya lain daripada itu. Dia menyerah kepada takdir, terpaksa mungkir akan janjinya yang terdorong, sebagaimana kebanyakan anak-anak perempuan yang lain juga, sebab yang memutuskan janji bukan dia, hidupnya tersangkut dengan keluarganya.”

(TKVDW, 2015: 147)

Keputusan tersebut disampaikan kepada Zainuddin melalui surat rasmi manakala kepada Hayati secara lisan selepas musyawarah keluarga. Kedua-dua watak tidak mempunyai ruang untuk membantah telah mencerminkan autoriti mutlak mamak dalam hal perkahwinan kemenakan perempuan menurut adat Minangkabau.

Sementara bagi novel *Merantau ke Deli*, prinsip autoriti ditampilkan melalui kuasa keluarga yang berperanan menjaga kesinambungan legasi dan keturunan Minangkabau. Leman, yang berkahwin dengan Poniem dari keturunan Jawa berdepan tekanan apabila keluarganya menuntut agar beliau mengahwini gadis sekampung yang bernama Mariatun demi menjaga kesinambungan adat dan garis keturunan. Walaupun Poniem pada awalnya menolak cadangan tersebut, Poniem akhirnya akur demi menjaga kedudukan suaminya di mata keluarga. Hal ini memperlihatkan bagaimana autoriti keluarga walaupun tidak bersifat paksaan langsung tetapi masih tetap berperanan besar dalam membentuk pilihan hidup individu. Hamka menggambarkan budaya kolektif ini melalui ungkapan:

“Suku tidak dapat dialih, malu tidak dapat dibagi”. Maka, walaupun di mana sahaja jejak Minangkabau beristeri, dan walaupun siapa isterinya itu, walau bangsa apa, “setinggi-tinggi melambung akan jatuh ke tanah jua” yang bermaksud sekali dalam setahun sekurang-kurangnya perlulah ke kampung, merapatkan tali kasih sayang dengan keluarga”.

(MKD, 2015: 65)

Bagi novel *Di Bawah Lindungan Ka'bah*, prinsip autoriti ditampilkan melalui perancangan perkahwinan Zainab oleh ibunya Mak Asiah yang bertindak sebagai penjaga tunggal. Zainab tidak mengetahui rancangan tersebut dan Mak Asiah meminta bantuan Hamid untuk memujuknya agar menerima perkahwinan yang telah dirancang. Perancangan ini didorong oleh kebimbangan terhadap masa depan Zainab, yang dianggap telah mencapai usia sesuai untuk berkahwin. Dalam masyarakat Minangkabau ketika itu, pendidikan anak

perempuan lazimnya terhad kepada peringkat MULO sahaja, dan mereka jarang dibenarkan melanjutkan pelajaran ke luar kawasan atas alasan keselamatan, maruah keluarga dan batas adat. Maka, perkahwinan yang diatur oleh Mak Asiah bukan sahaja berlandaskan pertimbangan praktikal, tetapi juga berpaksikan nilai budaya dan tanggungjawab sosial terhadap kesejahteraan anak perempuan.

**Pengukuhan Elemen Budaya dalam *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*,
Merantau ke Deli dan *Di Bawah Lindungan Ka'bah* Menerusi
Prinsip Kesatuan Arahan (Unity of Command)**

Prinsip kesatuan arahan (*unity of command*) seperti yang dikemukakan oleh Henry Fayol merujuk kepada keperluan setiap individu dalam organisasi atau komuniti menerima arahan daripada satu sumber autoriti sahaja bagi memastikan struktur kepimpinan yang jelas dan tidak bercanggah. Sebagaimana mengikut konteks masyarakat Minangkabau yang digambarkan dalam *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* (TKVDW), prinsip ini terserlah melalui konflik berkaitan harta pusaka antara Pandekar Sutan dan mamaknya, Datuk Mantari Labih. Selepas kematian ibu Pandekar Sutan, pengurusan harta pusaka dilakukan bersama oleh kedua-dua mereka. Namun, Datuk Mantari Labih selaku mamak yang memegang kuasa dalam sistem matrilineal telah mengambil hasil harta secara berlebihan tanpa pengurusan yang sistematik sehingga menyebabkan sebahagian sawah dan gong pusaka tergadai. Ketegangan memuncak apabila Pandekar Sutan ingin menggunakan tanah pusaka bagi menampung perbelanjaan perkahwinannya. Walaupun tindakan tersebut dibenarkan dalam adat Minangkabau, keinginannya ditolak oleh Datuk Mantari Labih dan kemenakan-kemenakan lain yang berpegang teguh kepada autoriti mamak. Tindakan Pandekar Sutan yang akhirnya terpaksa akur, telah mencerminkan penerimaan terhadap satu sumber arahan dalam struktur kekeluargaan Minangkabau. Ketidakpuasan hati beliau diluahkan secara emosional apabila mengatakan “Daripada engkau menghabiskan harta itu, lebih baik engkau hilang dari negeri, saya lebih suka.” (TKVDW, 2015: 201). Konflik ini berakhir dengan tragedi apabila berlaku pergelutan yang menyebabkan kematian Datuk Mantari Labih telah memperlihatkan ketegangan antara prinsip autoriti dan kehendak individu dalam masyarakat berstruktur adat.

Sementara di dalam novel *Merantau ke Deli* (MKD), prinsip kesatuan arahan turut diperlihatkan dalam konteks ekonomi dan keusahawanan. Watak Leman digambarkan sebagai usahawan yang menjalankan perniagaan bersama isterinya, Poniem. Walaupun Poniem terlibat secara langsung dalam operasi harian, segala keputusan penting tetap ditentukan oleh Leman. Poniem menerima arahan suaminya dengan penuh penghormatan, mencerminkan struktur kepimpinan tunggal dalam institusi keluarga dan perniagaan. Ketika Leman membuat keputusan untuk mengambil pekerja, Poniem menyokong tanpa bantahan apabila menagatakan “Ya, bekerjalah di sini, tinggallah dengan kami... Kalau engkau setia, saya tidak akan lupa membalas jasmu dengan setimpal.” (MKD, 2015: 48). Keakuran Poniem dan pekerja terhadap arahan Leman memperlihatkan keberkesanan prinsip *unity of command* dalam budaya kerja masyarakat Minangkabau di mana kepatuhan kepada pemimpin menjadi asas kepada kejayaan usaha ekonomi.

Berbeza pula di dalam novel *Di Bawah Lindungan Ka'bah* (DBLK), prinsip ini ditampilkan secara lebih halus. Mak Asiah sebagai ibu dan ketua keluarga telah merancang masa depan anak gadisnya Zainab dengan menjodohkan Zainab kepada seorang kemenakan arwah suaminya. Beliau meminta Hamid untuk menyampaikan hasrat tersebut kepada Zainab menggunakan kedudukannya sebagai pemegang autoriti dalam keluarga. Walaupun arahan tersebut tidak disampaikan secara tegas, Tindakan ini membawa unsur kewajipan moral yang

tidak dapat dielakkan. Mak Asiah memanfaatkan hubungan rapat antara Hamid dan Zainab untuk menyampaikan arahan secara emosi dan kepercayaan. Berdasarkan konteks ini, prinsip *unity of command* diterapkan melalui struktur kekeluargaan yang menekankan hierarki dan penghormatan terhadap keputusan ketua keluarga iaitu "...di atas nama Haji Ja'far, mamak meminta tolong melunakkan hati adikmu." (DBLK, 2015: 45). Walaupun prinsip ini tidak dominan secara eksplisit dalam di dalam novel *DBLK*, penerapannya tetap memberi impak signifikan terhadap perkembangan plot dan konflik naratif. Arahan tersirat daripada Mak Asiah menjadi titik tolak kepada dilema Hamid dan keputusan Zainab sekali gus menyumbang kepada ketegangan emosi dan kesan dramatik dalam penceritaan.

Pengukuhan Elemen Budaya dalam *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, *Merantau ke Deli* dan *Di Bawah Lindungan Ka'bah* melalui Prinsip Keutamaan Kepentingan Organisasi

Masyarakat Melayu Minangkabau merupakan sebuah komuniti yang sangat menekankan kepentingan kolektif khususnya dalam menjamin keharmonian dan kelestarian struktur sosial yang berasaskan sistem persukuan. Mengikut konteks ini, prinsip keutamaan kepentingan organisasi berbanding kepentingan individu seperti yang dikemukakan oleh Henry Fayol dapat dilihat secara jelas dalam budaya Minangkabau yang mengutamakan kepentingan suku sebagai asas utama dalam menentukan penerimaan sosial. Struktur sosial masyarakat Minangkabau berteraskan sistem kekeluargaan matrilineal di mana garis keturunan sebelah ibu menjadi penentu utama dalam pembentukan identiti dan kedudukan sosial. Wanita khususnya anak gadis diberikan perhatian yang tinggi kerana mereka dianggap sebagai lambang kehormatan dan aset penting dalam kesinambungan keturunan suku. Prinsip ini digambarkan secara eksplisit dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* (TKVDW) karya Hamka melalui watak Zainuddin yang tidak diterima oleh masyarakat Batipuh meskipun beliau merupakan anak kepada seorang lelaki Minangkabau. Penolakan tersebut berpunca daripada asal-usul ibu Zainuddin yang berketurunan Mengkassar menjadikan Zainuddin tidak memenuhi syarat garis keturunan matrilineal yang menjadi asas penerimaan dalam masyarakat Minangkabau. Sambutan dingin yang diterima Zainuddin khususnya daripada nenek sebelah bapa menjadi simbol penolakan halus terhadap individu yang tidak tergolong dalam struktur persukuan yang sah menurut adat. Situasi ini memperlihatkan bahawa prinsip kepentingan organisasi dalam bentuk kesucian dan kelangsungan garis keturunan suku diutamakan melebihi hubungan darah sebelah bapa serta perasaan simpati atau kasih sayang. Masyarakat Minangkabau menilai penerimaan atau penolakan individu berdasarkan kesesuaian terhadap kepentingan kolektif suku bukan semata-mata atas dasar hubungan biologi atau keperibadian.

Fenomena yang serupa turut ditampilkan dalam karya novel *Merantau ke Deli* (MKD), di mana Hamka menekankan bahawa masyarakat Minangkabau sangat menjunjung tinggi nilai dan kelestarian suku. Watak Leman yang berkahwin dengan wanita berketurunan Jawa dianggap telah menyimpang daripada adat. Bagi memastikan kesinambungan warisan budaya Minangkabau, Leman dipaksa untuk berkahwin semula dengan wanita sekampung yang berketurunan Minangkabau. Tindakan ini menunjukkan bahawa pilihan individu dikorbankan demi menjaga struktur adat dan identiti suku. Bahkan, Leman tidak dibenarkan menetap di rumah sendiri kerana rumah adat hanya diperuntukkan kepada Perempuan. Hal ini sekali gus memperlihatkan bahawa hak tempat tinggal juga tertakluk kepada prinsip organisasi kekeluargaan. Selain itu, bagi novel *Di Bawah Lindungan Ka'bah* (DBLK), prinsip keutamaan kepentingan keluarga diterjemahkan melalui tindakan Mak Asiah yang berusaha menjodohkan anaknya, Zainab, dengan kemenakan kepada arwah suaminya. Kebimbangan terhadap pengurusan harta pusaka mendorong beliau merancang perkahwinan tersebut

dengan teliti demi memastikan warisan keluarga kekal dalam lingkungan yang sah menurut adat. Zainab yang merupakan anak gadis yang menjadi kebanggaan keluarga diharapkan menunjukkan ketaatan kepada orang tua dengan mematuhi perancangan tersebut. Seperti yang dinyatakan oleh Hamka iaitu “mereka harus mempergunakan diri mereka, baik murah atau mahal, demi untuk berkhidmat kepada orang tua” (DBLK, 2015: 46). Kenyataan ini menegaskan bahawa dalam masyarakat Minangkabau, kepentingan keluarga dan organisasi kekeluargaan mengatasi hak individu khususnya bagi wanita yang dianggap sebagai lambang maruah dan warisan suku.

**Pengukuhan Elemen Budaya dalam *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*,
Merantau ke Deli dan *Di Bawah Lindungan Ka'bah* melalui Prinsip Rantaian Skala**

Prinsip kesembilan yang dikemukakan oleh Henry Fayol iaitu *rantaian skala* merujuk kepada struktur autoriti berhierarki serta aliran komunikasi yang sistematik dalam sesebuah organisasi bagi memastikan keberkesanan proses pengurusan. Prinsip ini menekankan kewujudan susunan autoriti yang jelas di mana keputusan disalurkan secara bertingkat menurut kedudukan hierarki. Budaya masyarakat Minangkabau sebagaimana digambarkan oleh Hamka dalam ketiga-tiga novel beliau, prinsip tersebut dapat ditelusuri melalui struktur sosial adat yang memberi penekanan kepada kedudukan dan autoriti dalam sistem kekerabatan khususnya kepada watak-watak yang berada pada kedudukan tertinggi seperti mamak dan engku.

Bagi novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* (TKVDW), Hamka memaparkan bagaimana keputusan berkaitan perkahwinan diambil berdasarkan struktur autoriti yang ketat dalam sistem kekerabatan Minangkabau. Setelah perbincangan dilakukan bersama ninik-mamak Hayati, keputusan muktamad ditentukan oleh Engku Datuk selaku individu yang berautoriti tertinggi. Penyampaian keputusan tersebut pula dilakukan secara bertingkat selaras dengan hierarki keluarga. Walaupun wujud suara yang tidak bersetuju seperti Mak Tengah Limah yang menyedari cinta Hayati masih kepada Zainuddin, pandangan itu ditolak oleh Datuk Garang, (seorang mamak yang memiliki kuasa lebih tinggi). Tegasnya, ungkapan beliau iaitu “*Wa den labiah tahu dari kalian*” (Saya lebih tahu daripada kamu semua) (TKVDW, 2015:143) telah memperlihatkan betapa dominannya autoriti dalam rantaian sosial adat Minang. Watak Hayati meskipun digambarkan sebagai gadis berpendidikan serta bercita-cita tinggi masih tetap tunduk dan tidak berani membantah keputusan yang telah ditetapkan oleh pihak atasan keluarganya. Hamka menegaskan kepatuhan watak tersebut melalui Gambaran iaitu “Hayati seorang gadis yang bercita-cita tinggi, tetapi jiwanya pun tak betah akan mengecewakan hati ninik mamaknya dan kaum kerabatnya. Dia hanya akan menerima apa tulisan takdir” (TKVDW, 2015:146). Situasi ini mengilustrasikan bahawa prinsip rantaian skala bukan sahaja berfungsi memelihara struktur sosial bahkan turut mengukuhkan budaya kepatuhan terhadap autoriti dalam masyarakat Minangkabau.

Prinsip yang sama terlihat di dalam novel *Merantau ke Deli* (MKD), apabila kejayaan Leman dalam bidang perniagaan mula menarik perhatian kaum kerabatnya di kampung. Perhatian tersebut menjadi pemangkin kepada perancangan untuk menjodohkan Leman dengan seorang gadis tempatan bernama Mariatun. Perancangan ini disampaikan oleh Engku Sutan Panduko, tokoh yang mempunyai kedudukan tinggi dalam struktur kekerabatan. Walaupun Leman telah lama menetap di perantauan dan beristerikan seorang wanita Jawa, beliau tidak berdaya menolak pandangan serta arahan tokoh kerabat tersebut. Cadangan perkahwinan itu turut diperkukuhkan melalui nasihat orang tua dalam sukunya sekali gus memperlihatkan kedudukan Leman sebagai individu bawahan yang hanya berperanan mengikuti keputusan pihak yang lebih berautoriti dalam rantaian sosial. Sementara *Di Bawah*

Lindungan Ka'bah (DBLK) pula, prinsip rantaian skala terserlah melalui hubungan antara Mak Asiah dan Hamid. Walaupun Hamid hanya merupakan anak angkat kepada arwah Engku Haji Ja'far dan Mak Asiah, Hamid dilayan bagaikan anak kandung. Namun, kedudukan Mak Asiah sebagai ibu angkat yang sangat dihormati masyarakat menjadikan autoritinya tidak mampu dicabar oleh Hamid. Permintaan Mak Asiah agar Hamid memujuk Zainab supaya menerima perkahwinan yang telah diatur diterima dengan penuh rasa hormat tanpa sebarang bantahan. Budi besar Mak Asiah yang telah banyak membantu Hamid dan ibunya mendorong Hamid untuk tidak tergamak menolak permintaan tersebut.

Watak Hamid menampilkan ketertiban adab apabila tidak menggunakan hubungan rapatnya dengan Mak Asiah sebagai alasan untuk menyatakan perasaan terhadap Zainab. Kedudukan Mak Asiah sebagai tokoh yang disegani menjadikan Hamid lebih sedar akan batas dirinya dan memilih untuk akur kepada struktur adat yang telah ditetapkan. Hal ini selaras dengan pandangan Amir M.S. (1997) yang menjelaskan bahawa masyarakat Minangkabau menggalakkan setiap individu memelihara hubungan dengan lingkungannya. Melalui tindakan ini, adat Minangkabau tidak mengutamakan kemandirian atau *privacy* sebagaimana yang ditekankan dalam individualisme Barat, sebaliknya mendorong agar setiap perkara termasuk urusan peribadi dibincangkan dalam kalangan komuniti dan keluarga. Secara keseluruhannya, prinsip rantaian skala yang digambarkan melalui ketiga-tiga novel Hamka menegaskan bahawa kedudukan sosial, autoriti dan struktur hierarki memainkan peranan penting dalam pengukuhan budaya masyarakat Minangkabau. Prinsip ini bukan sahaja mengawal aliran komunikasi serta pelaksanaan keputusan tetapi juga membentuk kerangka nilai, sikap dan tindakan individu dalam kehidupan seharian.

Pengukuhan Elemen Budaya dalam *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, *Merantau ke Deli* dan *Di Bawah Lindungan Ka'bah* melalui Prinsip Semangat Kekitaan

Prinsip terakhir yang diketengahkan oleh Henry Fayol iaitu semangat kekitaan (*esprit de corps*) merupakan prinsip kelima yang dikenal pasti dalam kajian ini sebagai faktor signifikan dalam memperkukuh identiti bangsa Melayu Minangkabau melalui elemen budaya. Prinsip ini menekankan kepentingan semangat perpaduan, Kerjasama dan kesetiaan dalam kalangan anggota sesebuah organisasi atau komuniti. Berdasarkan konteks masyarakat Minangkabau, prinsip tersebut tergambar jelas melalui sistem kekeluargaan dan persukuan yang berakar kukuh dalam kehidupan sosial mereka. Melalui novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* (TKVDW), semangat kekitaan ditonjolkan melalui kerjasama erat antara ahli keluarga Hayati ketika merancang dan melaksanakan majlis perkahwinannya dengan Aziz. Mengikut adat Masyarakat Minangkabau, urusan perkahwinan tidak dianggap sebagai tanggungjawab individu semata-mata sebaliknya melibatkan peranan kolektif ahli keluarga serta kaum kerabat. Hamka menggambarkan suasana ini dengan penuh realistik dalam Bab 15 (Perkahwinan) menggambarkan “Karib dan bait, ipar dan biasan amat ramai dalam rumah yang gedang itu. Berkali-kali lumbung dipanjat, menurunkan padi yang dijemur dan ditumbuk” (TKVDW, 2015:181). Gambaran ini bukan sekadar memaparkan kemeriahan majlis, tetapi turut menzahirkan eratnya hubungan persaudaraan dalam masyarakat Minangkabau. Setiap individu memainkan peranan tersendiri dalam menjayakan urusan keluarga sekali gus memperlihatkan budaya gotong-royong yang bukan sahaja bersifat tradisi sosial tetapi juga berfungsi sebagai simbol identiti budaya yang berakar kuat dalam sistem nilai masyarakat tersebut.

Sementara bagi novel *Merantau ke Deli* (MKD), semangat kekitaan tergambar melalui penerimaan yang penuh kehangatan terhadap Poniem sewaktu pasangan itu pulang ke kampung buat pertama kali selepas berkahwin. Walaupun Poniem berasal daripada keturunan

Jawa dan pada awalnya berasa bimbang akan penerimaan keluarganya, sambutan yang diberikan oleh kaum kerabat Leman ternyata sangat mesra dan terbuka. Hal ini jelas digambarkan apabila seorang wanita muda menyambut ketibaan mereka dengan penuh mesra yang digambarkan oleh Hamka iaitu “Oh, inikah kakak kami? Inikah Mbak ayu Poniem? Oh, mengapa kakak diam saja dari tadi? Marilah turun, marilah kita naik ke rumah, di sinilah kampung buruk awak” (MKD, 2015:57). Gambaran ini menunjukkan bahawa perbezaan latar budaya bukanlah penghalang kepada penerimaan sosial. Sebaliknya, Poniem diterima sebagai sebahagian daripada keluarga besar sebaik sahaja beliau menjadi isteri Leman. Situasi ini memperlihatkan nilai inklusif dan semangat kekitaan dalam masyarakat Minangkabau yang menganggap setiap anggota baharu sebagai sebahagian daripada entiti kolektif yang perlu dihormati serta dilindungi.

Berbeza pula bagi novel *Di Bawah Lindungan Ka'bah (DBLK)*, prinsip semangat kekitaan tergambar melalui hubungan erat antara keluarga Hamid dengan keluarga almarhum Engku Haji Ja'far dan Mak Asiah. Engku Haji Ja'far digambarkan sebagai seorang dermawan yang amat prihatin terhadap kebajikan masyarakat termasuk keluarga Hamid yang banyak menerima bantuan daripadanya sehingga Hamid berpeluang melanjutkan pelajaran. Selepas pemergian suamin, Mak Asiah meneruskan usaha memelihara hubungan kekeluargaan dengan keluarga ipar di kampung terutamanya dalam menjaga harta pusaka dan mengekalkan struktur adat Minangkabau. Rancangan perkahwinan Zainab dengan kemenakan arwah suaminya mencerminkan usaha Mak Asiah untuk mempertahankan kesinambungan keluarga serta adat yang diwarisi turun-temurun. Keadaan ini membuktikan bahawa budaya Minangkabau menekankan keterikatan sesama anggota masyarakat, meskipun mereka berada di lokasi yang berbeza. Semangat kekitaan dalam konteks ini tidak hanya mengekalkan hubungan darah dan sosial, malah menjamin kelestarian adat warisan yang menjadi asas identiti masyarakat Minangkabau. Secara keseluruhannya, prinsip semangat kekitaan sebagaimana yang digambarkan dalam ketiga-tiga novel Hamka memperlihatkan peranan penting dalam memperkukuhkan elemen budaya masyarakat Minangkabau. Ini bukan sahaja menzahirkan nilai kekeluargaan, gotong-royong dan keterikatan sosial tetapi turut menekankan keutamaan komuniti dalam membentuk identiti bersama berasaskan rasa hormat, kebersamaan serta tanggungjawab kolektif.

RUMUSAN

Berdasarkan analisis yang dijalankan, dapat dirumuskan bahawa Hamka berjaya menampilkan watak-watak yang secara tidak langsung mengaplikasikan prinsip-prinsip pengurusan moden dalam naratif karya-karya beliau. Elemen budaya digambarkan sebagai asas yang signifikan dalam pembentukan serta pencerminan identiti sesuatu bangsa khususnya masyarakat Melayu Minangkabau. Pengukuhan budaya yang ditampilkan dalam *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, *Merantau ke Deli*, dan *Di Bawah Lindungan Ka'bah* dapat diperjelas melalui penerapan prinsip-prinsip pengurusan yang telah dirumuskan oleh Henry Fayol. Prinsip-prinsip tersebut terbukti berperanan dalam menyokong kelestarian budaya Minangkabau serta membantu mempertahankan identiti kolektif Masyarakat mereka. Mesej yang disampaikan oleh Hamka melalui ketiga-tiga novel tersebut menzahirkan penghargaan yang tinggi terhadap adat Minangkabau yang berpaksikan falsafah ‘Adat bersendi syarak, syarak bersendi Kitabullah’. Falsafah ini menjadikan adat sebagai sistem nilai yang berakar pada ajaran Islam dengan berlandaskan al-Quran dan sunnah Nabi Muhammad S.A.W. Selain itu, Hamka bukan sekadar mempersembahkan gambaran kehidupan masyarakat Minangkabau pada dekad 1920-an dan 1930-an tetapi turut mengangkat wacana adat dan budaya melalui medium sastera. Adat Perpatih yang diamalkan

dengan menekankan kedudukan wanita dalam struktur sosial digambarkan sebagai sistem adat yang menyeluruh dan bernilai tinggi.

Kelima-lima prinsip pengurusan yang diketengahkan oleh Henry Fayol telah terbukti berfungsi dalam memperjelas dimensi pengurusan budaya masyarakat Minangkabau khususnya dari segi pengukuhan nilai-nilai adat dalam kehidupan seharian. Penerapan prinsip seperti autoriti, kesatuan arahan, keutamaan kepentingan organisasi, rantaian skala dan semangat kekitaan bukan sahaja memperkukuh struktur sosial bahkan turut memperteguh keunikan budaya Minangkabau. Usaha ini sekali gus membuktikan bahawa pendekatan pengurusan moden dapat diaplikasikan dalam konteks warisan budaya tradisional. Bagi jangka panjang, pendekatan tersebut berpotensi bukan sahaja melestarikan keunikan adat Minangkabau malah menyesuaikan dengan tuntutan peredaran zaman. Pengurusan budaya yang sistematik juga memungkinkan masyarakat memperoleh manfaat menyeluruh sama ada dalam aspek sosial, ekonomi mahupun politik, seterusnya memperkukuh identiti bangsa secara bersepadu.

Rajah 3.0

5 Prinsip Henry Fayol Menyumbang kepada Pengukuhan Elemen Budaya



Antara contoh yang paling ketara berkaitan dengan struktur kekeluargaan Minangkabau ialah kedudukan serta kuasa seorang mamak. Tanggungjawab mamak tidak hanya terbatas kepada aspek kebendaan tetapi juga merangkumi bimbingan moral dan pengajaran nilai kehidupan kepada kemenakan termasuk hal-hal yang berkaitan dengan bungo atau harta pusaka yang diwarisi mengikut garis keturunan sebelah ibu. Dominasi peranan seorang mamak ini ditegaskan oleh Hamka dalam kedua-dua novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck (TKVDW)* dan *Merantau ke Deli (MKD)* yang secara jelas membingkai struktur sosial Minangkabau berasaskan adat serta sistem kekerabatan matrilineal.

Seiring dengan itu, salah satu ciri unik masyarakat Minangkabau ialah konsep kepemilikan Bersama iaitu setiap individu dianggap sebagai milik kolektif sukunya manakala suku pula merupakan milik kolektif seluruh anggotanya. Konsep ini melahirkan semangat kebersamaan, setia kawan dan budaya tolong-menolong yang kukuh dalam kalangan masyarakat sekali gus memperkukuh nilai semangat kekitaan sebagai asas kestabilan sosial.

Sebagai seorang ulama dan pendakwah terkenal di Indonesia, Hamka menampilkan pendekatan yang berbeza dalam menyampaikan dakwahnya. Beliau memilih medium novel berunsur roman atau percintaan sebagai wadah penyampaian mesej moral, agama dan sosial kepada masyarakat. Meskipun pendekatan ini pada awalnya mendapat kritikan termasuk daripada bapa beliau sendiri, Hamka tetap konsisten menjadikan penulisan kreatif sebagai saluran dakwah yang berkesan. Keupayaan beliau menggabungkan unsur emosi, kesedaran Rohani serta realiti sosial menjadikan karya-karyanya kekal relevan dan dekat dengan khalayak sepanjang zaman.

kemampuan pengarang mengolah serta menghidupkan kembali teks atau persoalan tradisi dalam karya moden membuktikan bahawa sastera berperanan memanjangkan hayat sesuatu isu, mendalami konflik batin watak serta menyesuaikan makna dengan perubahan zaman. Hamka memperlihatkan kepekaan tinggi terhadap realiti sosial dan budaya masyarakatnya beliau sekali gus menjadikan karya-karya beliau sebagai refleksi kehidupan yang mampu menyentuh emosi dan pemikiran pembaca. Tidak hairanlah novel-novel seperti *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, *Merantau ke Deli*, dan *Di Bawah Lindungan Ka'bah* terus diulang cetak semula hingga kini malah turut mendapat perhatian penerbit di dalam dan luar Indonesia.

RUJUKAN

- A.Halim Ali (2019) *Pengetahuan Asas Penyelidikan Dalam Kesusasteraan Melayu*, Klang: MZ Edu. Publications.
- Abdul Rahman Embong. (1999). Identiti dan Pembentukan Identiti. *Jurnal Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan*. Number 5 ISSN 01 26-5008 (3-15).
- Aizzat Mohd Nasurdin, Intan Osman dan Zainal Ariffin Ahmad. (2006). *Pengantar Pengurusan*. Utusan Publications & Distributors.
- Ali, A. H., & Mohamad, A. (1). Novel Episod Cinta Di Tanah Hijrah Dalam Bacaan Intertekstualiti. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 3(1), 1 - 33. <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/69>
- Amir M.S. (1999). *Adat Minangkabau: Pola Dan Tujuan Hidup Orang Minangkabau*. P.T Mutiara Sumber Widya.
- Harold Koontz dan Heinza Wiehrich. (1992). *Pengurusan (Siri Terjemahan Oleh Mohd Salmi Mohd Sohod dan Siti Nadzrah Sheikh Omar)*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamka. (2015). *Di Bawah Lindungan Ka'bah*. PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Hamka. (2015). *Merantau Ke Deli*. PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Hamka. (2015). *Tenggelamnya Van Der Wijck*. PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Hj. Wahid, A. (2014). Worldview Pengukuhan Membina Jati Diri Bangsa Dalam Novel Di Penghujung Rindu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 2(1), 68 - 83. <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/86>
- Jaafar Muhamad. (2003). *Asas Pengurusan*. Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Jasril. (2017). Penentangan Laki-Laki Minangkabau Terhadap Budaya Minangkabau Dalam Novel Hamka. *Dlm Genta Bahtera* Volume 3, Nomor 1, Juni.
- Kamus Dewan*. (1994). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Hizam Hahafiah dan Zafir Mohd Makhbul. (2003). *Pengurusan Organisasi*. Edisi Kedua. Mc Graw Hill Sdn Bhd.

- Nurul Izzah Sidek. 2011. *Remaja Dan Krisis Identiti*. Utusan Malaysia Online. http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1103&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_05.htm#ixzz4XZy24CyZ © Utusan Melayu (M) Bhd.
- Paul Morris. (2005). Religion And Identity: The New Zealand Spirit. Dlm Asmah Haji Omar dan Paul Morris. (2005). *Religion and Identity*, hlm. 1-19. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ramli, F. N. A., Wahid, A., & Ali, A. H. (2021). Pengurusan Identiti Bangsa Dalam Trilogi Karya Hamka. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 9(1), 33 - 48. <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/141>
- Rancangan Malaysia Ke Sebelas, 2016-2020: Bab 5 Meningkatkan Pembangunan Modal Insan Untuk Negara Maju*. <http://epu.gov.my/ms/rmk/rancangan-malaysia-kesebelas-2016-2020>
- Robbins, Stephen P. & Coutler, Mary. (2005). *Management*. 8th Ed. Pearson Education, Inc.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2012). *Modul Hubungan Etnik*. Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siddiq Fadzil. (2012). *Islam dan Melayu: Martabat Umat dan Daulat Rakyat*. Gemilang Press Sdn Bhd.
- Soewardi Idris. (2004). *Sekitar Adat Minangkabau*. Jakarta: Kulik-Kulik Alang Himpunan Eks-Siswa SMP Negeri Solok Pada Masa Revolusi 1945-1949.